

**KENYATAAN MEDIA
BERKENAAN
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM ANUGERAH MASJID LESTARI –
ANUGERAH ALAM SEKITAR SEMPERNA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2022
PERINGKAT NEGERI PERAK**

1. Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dan Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan rakan strategik penganjur iaitu syarikat Central Medicare Sdn. Bhd. telah merasmikan pelancaran program Anugerah Masjid Lestari – Anugerah Alam Sekitar sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak yang disempurnakan oleh YB Encik Mohd Akmal Bin Kamarudin, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak pada Sabtu 23 Julai 2022 jam di Dewan Saidina Omar, Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM), Ipoh.
2. Program ini telah bermula untuk peringkat penyertaan pada 4 Julai 2022 dan seterusnya akan melalui peringkat penilaian dokumentasi dan penilaian lapangan. Sebanyak 18 buah Masjid Daerah dan 18 buah Masjid Kariah di seluruh negeri Perak telah dicalonkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak dan pemenang anugerah akan diumumkan semasa Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 peringkat Negeri Perak pada 29 Oktober 2022.
3. Penilaian ini mengukur lima komponen yang digariskan iaitu iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Persekitaran dan Penghijauan, Prasarana dan Teknologi Mesra Alam, Program Kelestarian dan Elemen Khas. Pecahan pemarkahan adalah 40% kepada penilaian dokumentasi dan 60 % penilaian lapangan.
4. Matlamat program ini diadakan adalah seperti berikut:
 - a. Mengiktiraf peranan institusi masjid dalam melaksanakan program-program kesedaran alam sekitar ;
 - b. Mengiktiraf institusi masjid dalam penggunaan teknologi mesra alam dan penjimatan tenaga; dan
 - c. Menggalakkan penyertaan awam dalam aktiviti kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat;
 - d. Meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat.

5. Bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak ini, rakyat Negeri Perak tidak mengira lapisan juga adalah jemput untuk bersama-sama memeriahkan program-program lain yang telah diatur sepanjang tahun 2022 sepertimana yang disenaraikan berikut:

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan di Stadium Indera Mulia	29/10/2022
2	Majlis Penutup Hari Alam Sekitar Negara 2022 Sempena Hari Kitar Semula Kebangsaan Peringkat Negeri Perak	29/11/2022
3	Pertandingan Bowling Antara Industri Piala YB Exco Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan	10-12/2/2022
4	Signature event: Kempen pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik (E-Waste) di seluruh negeri (PBT / Premis Industri / Sekolah)	8/6/2022
5	Signature event: Penilaian Masjid – Anugerah Lestari Alam Sekitar	8-9/8/2022 15-19/8/2022
6	Signature event: Kempen Hindari Plastik Sekali Guna	13/9/2022
7	Pertandingan Penulisan Karya Puisi dan Pantun Alam Sekitar	30/7/2022
8	Penilaian Kilang Pembuatan Sarung Tangan Getah – Anugerah Lestari Alam Sekitar	27-28/6/2022
9	Pertandingan Fotografi Alam Sekitar	25/7-30/9/2022
10	Penilaian Premis Buangan Terjadual (BT) – Anugerah Lestari Alam Sekitar	27-28/6/2022
11	Pertandingan Kuiz Alam Sekitar untuk Pelajar Sekolah	Ogos- September
12	Anugerah Ikon Muda Alam Sekitar	20/7-31/8/2022
13	Penilaian Kilang @ Premis Batu Kapur – Anugerah Lestari Alam Sekitar	27-28/6/2022
14	Enviro Challenge Sempena Hari Kitar Semula Kebangsaan - Enviro Challenge Kategori Sekolah - Enviro Challenge Kategori IPT - Enviro Challenge Kategori Industri	6 & 20/7/2022 31/7/2022 13-14/8/2022
15	EnviroRide Sempena Hari Ozon Sedunia 2022	27-28/8/2022
16	Water Rafting Siri ke-2 – Bengkel Pemantapan Minda & Fizikal Segmen Alam Sekitar di Selama	23-25/9/2022
17	Seminar Pematuhan AKAS 1974 & Larangan Pembakaran Terbuka Peringkat Negeri Perak Tahun 2022	7/9/2022

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK

23 JULAI 2022/ 22 ZULHIJAH 1443H